

30 AUG 2002

Najib-TPM

PELANTIKAN TPM: NAJIB PILIH UNTUK BERDIAM

PEKAN, 30 Ogos (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakannya berdiam diri adalah langkah terbaik berhubung soal siapa bakal dilantik Timbalan Perdana Menteri selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

"Lagi diam lagi bagus," katanya sambil tersenyum ketika ditanya pemberita mengenai isu siapa bakal menjadi jawatan timbalan kepada Abdullah kelak.

Selasa lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Abdullah berpegang kepada kata-katanya untuk menamakan timbalan beliau (Abdullah) selepas mengambil alih jawatan itu tahun depan.

"Sebenarnya beliau tidak berkata bila atau selepas berapa hari atau bulan dan dia tidak memungkiri janjinya," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan wartawan Jepun yang bertanyakan perkara itu pada satu majlis di Pulau Pinang Selasa lepas.

Abdullah sebelum ini pernah berjanji untuk mengumumkan siapa timbalannya selepas dua pilihan raya kecil di Kedah bulan lepas.

Najib, yang juga Naib Presiden Umno, ketika ditanya pemberita berkenaan perkara itu berikutan namanya disebut-sebut sebelum ini untuk jawatan itu berkata; "Tak nak komen, elok lagi diam lagi bagus."

Ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan ada pertandingan merebut jawatan tertinggi dalam Puteri Umno, Najib berkata: "Anggota Puteri perlu patuh pada etika dan kita jadikan Puteri ini sebagai satu organisasi yang mencerminkan imej yang sebersih mungkin dan tidak dinodai amalan buruk seperti salah guna kuasa dan politik wang."

Akhbar semalam melaporkan bahawa bekas Ketua Penerangan Puteri Umno, Mastina Abdul Hamid, berminat untuk mencabar ketua penaja pergerakan itu Azalina Othman Said pada pemilihan pergerakan itu November ini.

-- BERNAMA

MS MAI